

CNS8585

R GB 29-08 00198 BD372

bah

Mahathir - Rodeo (Dengan Gambar)

KUTIPAN TIKET KEJOHANAN RODEO M'SIA PERTAMA UNTUK BAKTI

I

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Hasil kutipan tiket bagi Kejohanan Rodeo Malaysia yang pertama selama tiga hari di sini sejak Sabtu lalu akan didermakan kepada Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti).

Surat akujanji mengenai perkara itu disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menerimanya bagi pihak isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, yang merupakan pengerusi Bakti.

Surat itu disampaikan oleh pengerusi penganjur kejohanan Datuk Awang Kamaruddin Haji Ghani semasa jamuan tengah hari bagi penaja kejohanan di sini hari ini.

Kejohanan itu, yang dianjurkan oleh Kiara Promotion Sdn Bhd, Stampede Arena Pty Ltd dari Australia dan Bukit Kiara Equestrian and Country Resorts, disertai oleh 30 peserta dari Australia dan beberapa peserta tempatan.

Tiket bagi dua hari pertama kejohanan ialah RM10 untuk kanak-kanak dan RM20 bagi orang dewasa, manakala pada hari terakhir pada Khamis ini ialah RM15 bagi kanak-kanak dan RM30 bagi orang dewasa. Tiket bagi sektor korporat dijual pada harga RM2,400 setiap petak yang mengandungi 24 tempat duduk. -- Lagi

▼29/08/16-24MST

R GB 29-08 00080 BD373

bah

Mahathir - Rodeo 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Sementara itu, 45 lembu dan kuda yang dibawa dari Australia bagi kejohanan itu akan didermakan kepada Jabatan Haiwan.

Pada jamuan tengah hari itu, Dr Mahathir menyampaikan cenderahati kepada penaja kejohanan itu, antaranya ialah Bukit Tunggul Golf & Country Resort Sdn Bhd, Resort World Bhd, Yeoh Tiong Lay Group Bhd, Sapura Holdings Bhd, Arab Malaysian Merchant Bank Bhd dan Country Heights. -- Bernama

HK AKD

▼29/08/16-25MST